

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah strategi dan program-program utama Kementerian untuk tahun 2020 dalam membangunkan konsep Smart City di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan berpandangan bahawa Bandar Pintar merupakan pendekatan masa hadapan bagi pembangunan dan pengurusan bandar. Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) telah menggariskan secara terperinci berkenaan keperluan untuk membangunkan rangka kerja inisiatif bandar pintar negara di bawah **Teras 5: Memperkuatkan Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi**

2. Sehubungan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membangunkan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia (RKBPM) yang bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kerajaan negeri,

kementerian dan jabatan, pemain industri serta pihak berkepentingan lain untuk perancangan dan pembangunan Bandar Pintar yang holistik di Malaysia.

3. RKBPM telah dilancarkan secara rasmi oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2019. Dokumen ini mengandungi maklumat berkaitan pembangunan Bandar Pintar dalam konteks Malaysia seperti definisi dan bidang komponen utama Bandar Pintar, hala tuju polisi, cadangan strategi yang disertakan dengan inisiatif bersesuaian serta indikator yang mengukur pelaksanaan sesuatu inisiatif.

4. Dalam usaha untuk melaksanakan inisiatif Bandar Pintar, KPKT telah menggariskan beberapa strategi seperti berikut:

- i. meningkatkan pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar di peringkat PBT;
- ii. memainkan peranan aktif dalam *ASEAN Smart City Network* (ASCN) dengan menjalinkan kerjasama dengan negara-negara ASEAN dan luar ASEAN seperti Republik Korea serta Jepun;
- iii. memberi bimbingan khusus kepada PBT terpilih untuk melaksanakan inisiatif Bandar Pintar khususnya dalam memberi khidmat nasihat pakar (*subject matter expert*) pembangunan Bandar Pintar;
- iv. menjalinkan kerjasama dan rangkaian strategik dengan pemain industri dan penyedia penyelesaian pintar (*smart solutions provider*) dari dalam dan luar negara bagi menyokong pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar; dan
- v. memadankan PBT dengan pemain industri dan penyedia teknologi dalam membangunkan Bandar Pintar.

5. Kementerian telah merancang beberapa program bagi tahun 2020 dalam usaha untuk merancakkan pembangunan Bandar Pintar di Malaysia seperti berikut:

- i. sesi jelajah (*roadshow*) dan hebahan ke negeri-negeri dengan mengadakan sesi libat urus bersama PBT bertujuan untuk memberi kesedaran tentang pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar serta mengenal pasti kesediaan Kerajaan Negeri dan PBT dalam melaksanakan inisiatif Bandar Pintar;
- ii. melaksanakan projek pembangunan Bandar Pintar di Kulim, Kedah; dan
- iii. mewujudkan *Malaysia International Centre for Sustainable Cities* (MyICSC) sebagai platform untuk menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengetahuan serta perkembangan teknologi terkini melalui kerjasama antara agensi Kerajaan, pemain industri, ahli akademik dan badan-badan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.